

23 JUL 1998

DR MAHATHIR JUMPA SYARIKAT PERDAGANGAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengadakan dialog dengan ketua eksekutif syarikat-syarikat perdagangan Malaysia untuk menerangkan usaha kerajaan meningkatkan eksport negara.

Perjumpaan itu diadakan berikutan pentingnya sektor itu kepada pemulihan ekonomi negara.

Pada perjumpaan yang dijangka berlangsung selama dua jam di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, Perdana Menteri akan menyampaikan ucapan selain berdialog dengan ketua-ketua eksekutif syarikat yang mengendalikan perniagaan eksport dan perdagangan.

Menurut Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), perbincangan itu juga untuk mendapatkan maklumat balas dan cadangan daripada syarikat perdagangan Malaysia mengenai cara serta kaedah baru bagaimana negara dapat meningkatkan eksport.

Ia juga bagi mendapatkan kerjasama antara sektor eksport supaya sama-sama meningkatkan usaha bagi menambah eksport.

-- BERNAMA

RAZ oba